

UUM ONLINE: Pengarah *NAM Institute For The Empowerment of Women (NIEW)*, Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti, Tan Sri Datuk Dr Rafiah Salim mengalu-alukan hasrat Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menubuhkan Institut Kajian Wanita ASEAN yang bakal menjadi sebuah pusat pembangunan wanita di rantau ini.

"Seharusnya setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu mengambil langkah yang sama di mana setiap universiti seharusnya mempunyai sebuah pusat gender yang berfungsi sebagai sebuah pusat pengajian yang mengkhusus kepada pembangunan wanita," katanya.

Tambah beliau, idea penubuhan Institut Kajian Wanita ASEAN ini seharusnya ditubuhkan 27 tahun yang lalu seiring dengan penubuhan universiti ini.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya di *National Seminar on Contemporary Women Issues, Towards the Establishment of ASEAN Women Studies Institute (SCWI2011)* di EDC UUM, baru-baru ini.

Beliau juga turut menyentuh beberapa isu dan cabaran yang perlu ditempuhi oleh golongan wanita masa kini.

Antaranya, isu ramai golongan wanita yang berpendidikan tinggi, tetapi tidak mendapat pekerjaan mengikut standard pendidikannya.

Hal ini kerana persepsi yang kurang tepat terhadap kemampuan dan kebolehan golongan ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Beliau turut menegaskan sektor swasta seharusnya menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang meluluskan polisi bahawa sekurang-kurangnya 30 peratus jawatan-jawatan penting atau pembuat keputusan terdiri dari golongan wanita dalam sektor korporat.

Seminar kebangsaan ini merupakan kerjasama anjuran *Special Interest Group on ASEAN Women Issues (SIGAWS)* dan *Northern Corridor Research Centre (NCRC)*, UUM.

Antara penceramah yang terlibat ialah Profesor UUM, Prof Dr Ruswiati Suryasaputra; Pengarah Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datin Rashidah Shuib; Pengarah *Institute of Occidental Studies (ICON)*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Rashila Ramli; dan Pengarah Eksekutif *Penang-Based Academy of Socio-Economic Research and Analysis (ASERA)*, Prof Dato' Dr Hajjah Wazir Jahan Karim.

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my